

ibotikar

BULETIN PENYELIDIKAN DAN INOVASI
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

BIL.1 DISEMBER 2013



Temu Bual Eksklusif
TNC P&I Pertama USIM

Siri Pertama
Syarahan Sains Islam



USIM anjur INOVA'13
Ekspo Inovasi Islam ke-13

**Gabungan PTJ & CoE
Memantapkan Penyelidikan,
Penerbitan dan Inovasi di USIM**

ISSN 1675-5926



9 7896703 9360600

www.usim.edu.my



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

KATA PENGANTAR

Ketua Editor: Hariza Mohd Yusof



SIDANG EDITOR

Penaung

YBhg. Prof. Dato' Dr. Asma Ismail

Penasihat

YBhg. Prof. Dr. Mustafa Mohd Hanefah

Ketua Editor

Pn. Hariza Mohd Yusof

Pen. Ketua Editor

En. Mohd Faiz Hamzah

Editor

Pn. Wan Fauriah Wan Samad
Pn. Khairunnajwa Mohd Tahet
Cik Noor Adibah Mohamad
En. Faizudin Ahmad

Susun Atur Huruf

Pn. Nuraznita Abdullah

Konsep & Reka Bentuk

En. Mohd Amirul Mohamad Ghazali

Penyumbang Bahan

Bahagian Penerbitan
Institut Pengurusan & Penyelidikan
Fatwa Sedunia (INFAD)
Institut Pengurusan Harta &
Kewangan Islam (IFWMI)
Institut Penyelidikan & Pengurusan
Halal (IHRAM)
Institut Sains Islam (ISI)
Pusat Hubungan Industri &
Pengkomersilan (PHIP)
Pusat Pengurusan Penyelidikan
(PPP)
Pusat Penyelidikan Dalam
Penyalahgunaan Dadah Asian
(ACREDA)

Alhamdulillah, akhirnya buletin pertama yang menghimpunkan berita-berita dan juga perkembangan PTJ serta Pusat Kecemerlangan Penyelidikan @ *Centre of Excellence* (CoE) yang berada di bawah naungan Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan & Inovasi (TNC, P&I) berjaya diterbitkan. Di bawah TNC P&I terdapat beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) serta CoE yang dinaungi, iaitu Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP), Pusat Hubungan Industri dan Pengkomersilan (PHIP), Bahagian Penerbitan (BP), Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Pusat Penyelidikan dalam Penyalahgunaan Dadah Asian (ACREDA), Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI), Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM), dan Institut Sains Islam (ISI).

Penerbitan buletin ini merupakan usaha bersama dan hasil inisiatif secara bermuafakat antara ketua-ketua PTJ dan CoE untuk melihat serumpun berpadu dalam satu naskhah yang boleh diterbitkan dan disebarluaskan kepada semua staf di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Segala maklumat dalam bentuk berita, dan juga laporan aktiviti yang merencahkan pelbagai kejayaan merupakan hasil usaha para editor yang dilantik yang telah memberikan komitmen bersama untuk melihat penerbitan buletin ini berjaya direalisasikan.

Dalam penerbitan pertama buletin Penyelidikan dan Inovasi ini, pihak kami berusaha untuk memberikan inspirasi awal berkenaan PTJ dan CoE yang ada di bawah TNC P&I. Walaupun sudah jelas lagi bersuluh bahawa kesemua PTJ dan CoE ini berada di USIM, mungkin tidak semua begitu maklum berkenaan payung yang memayungi kesemua mereka ini. Oleh itu, tema utama berita-berita kali ini akan memberi penekanan antaranya temu bual khas bersama TNC, P&I, kejayaan-kejayaan yang diperoleh oleh kesemua PTJ dan CoE yang berkaitan supaya pencapaian ini dapat juga dikongsi bersama oleh mereka yang lain.

Tahun 2013, membawa pelbagai dimensi untuk membawa USIM ke arah pencapaian yang lebih mampan daripada tahun sebelumnya. Kesungguhan Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Asma' Ismail, Naib Canselor USIM untuk membawa USIM ke arena kecemerlangan, turut mempunyai kaitan yang jelas dengan usaha segala PTJ dan CoE yang berada di bawah payung TNC P&I.

Oleh itu, penerbitan buletin ini merupakan usaha untuk menobatkan segala berita ini agar dapat sekurang-kurangnya diketahui dan menjadi dorongan untuk melakar kejayaan-kejayaan yang lebih cemerlang pada masa hadapan. Saya percaya, penerbitan buletin ini akan terus menyemarakkan lagi dunia penerbitan berita semasa di kampus ini.

Akhirnya dengan inisiatif pihak grafik yang sentiasa kaya dengan idea, telah menambah rencah dalam menghasilkan buletin yang bukan sahaja boleh dibaca dengan tenang tetapi boleh dilihat dengan paduan grafik yang mantap dan ia cukup membanggakan bagi penerbitan pertama ini.

Saya percaya penerbitan buletin ini dapat memberi inspirasi serta galakan kepada semua staf lain untuk sama-sama berganding bahu bagi melakar kejayaan yang lebih mantap untuk USIM. Selamat membaca.

Salam hormat;
Hariza Mohd Yusof
Ketua Editor



TEMU BUAL EKSLUSIF

TNC P&I Pertama USIM | Prof. Dr. Mustafa Mohd Hanefah

Jawatan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNC P&I) telah diberikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kepada semua universiti termasuk USIM pada awal tahun 2013. Tahniah diucapkan kepada Prof Dr Mustafa Mohd Hanefah yang diberi tanggungjawab untuk menggalas portfolio ini. Ikuti temu bual eksklusif Sidang Editorial Buletin P&I, saudara Mohd Faiz Hamzah dan Faizudin Ahmad bersama TNC P&I pertama USIM.

Apakah perasaan Prof. apabila dilantik sebagai TNC P&I ini?

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang kini dikenali sebagai Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan juga kepada pihak Pengurusan Tertinggi Universiti terutamanya kepada Prof. Dato' Dr. Asma Ismail, Naib Canselor kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk memikul tanggungjawab ini. Sememangnya jawatan ini adalah satu jawatan yang penuh dengan tanggungjawab dan dengan rendah hati saya menerima tugas sebagai TNC P&I ini. Saya juga bersyukur kepada Illahi kerana menganugerahkan jawatan ini kepada saya di mana jawatan ini telah dinyatakan dalam Amanat YAB Menteri KPT pada awal tahun 2013 bahawa beliau telah meluluskan jawatan TNC kepada semua universiti termasuk USIM. Insyallah dengan adanya kekuatan staf akademik dan pentadbiran USIM akan menjadikan kita sebagai salah satu universiti yang akan dirujuk untuk penyelidikan dan inovasi dalam bidang Sains Islam.

“Cabaran di USIM ialah bagaimana kita hendak mempromosikan penyelidikan dan inovasi dalam perspektif Islam.”

Adakah perbezaan bidang tugas antara jawatan TNC P&I dengan jawatan Dekan P&I?

Sebelum ini saya menjalankan tugas sebagai Dekan Penyelidikan & Inovasi, yang pada waktu itu hanya dua orang Timbalan Naib Canselor sahaja di USIM. Sebelum ini memang saya memegang portfolio penyelidikan dan inovasi di mana terdapat tiga Jabatan dan lima Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE). Cuma PTJ-PTJ di bawah saya pada masa itu adalah semua CoE, PPP, PHIP dan Bahagian Penerbitan. Pada tahun ini juga saya diberi amanah untuk menguruskan pembangunan universiti yang sebelum ini diletakkan di bawah Naib Canselor. Alhamdulillah pada tahun ini kita telah mendapat beberapa kelulusan untuk bangunan baru seperti Fakulti Pengajian Sains Kesihatan yang akan didirikan di Nilai. Selain itu kita juga mungkin akan mendirikan hospital pengajar dan juga Pusat Islam.

Apakah bidang penyelidikan di USIM yang dilihat dapat mendatangkan impak yang tinggi?

USIM mempunyai bidang penyelidikan yang luas memandangkan USIM mempunyai kepakaran dalam bidang Syariah, Undang-undang, Quran dan Sunnah, Sains Teknologi, Perubatan dan lain-lain lagi yang berlandaskan perspektif Islam. Penubuhan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE) dilihat mampu untuk memajukan lagi bidang penyelidikan yang kita ceburi. Sebagai contoh, INFAD berpotensi menjadi nadi ataupun pakar rujuk yang berperanan untuk mengkaji mengikut perspektif syariah dan dapat memberi nasihat dari segi syariah dan undang-undang di samping menjalankan kajian dalam bidang tersebut. Selain itu, manfaat tersebut boleh diguna pakai oleh CoE lain seperti IHRAM untuk menjalankan penyelidikan berkaitan makanan yang boleh dikaitkan dengan hukum syariah dan sebagainya.





Apakah perbandingan sasaran KPI antara USIM dengan IPTA lain?

Sekarang ini pun Instrumen MyRA memainkan peranan penting dalam menentukan pencapaian penyelidikan bagi IPTA. Terdapat dua kategori iaitu MyRA I bagi universiti bukan penyelidikan dan MyRA II bagi universiti penyelidikan. Terdapat beberapa kriteria pemarkahan untuk mengukur pencapaian universiti seperti penyelidikan, penerbitan, kualiti, kuantiti dan sebagainya. USIM telah mencapai dua bintang pada tahun 2012 dan hasil daripada pencapaian tersebut, USIM mula maju ke hadapan untuk memperoleh kejayaan pada masa hadapan. Berdasarkan penilaian dibuat secara dalaman di USIM, kita mampu untuk memperolehi sekurang-kurangnya 3 bintang pada tahun hadapan. Pengukuran selepas ini kita menyasarkan untuk mencapai 4 bintang dalam MyRA, Insya-Allah. Saya rasa kita boleh capai kerana dengan bertambahnya penyelidikan, penyertaan dalam pameran pun bertambah. Dan satu lagi yang boleh dibanggakan ialah dari segi penerbitan berindeks dalam jurnal berimpak tinggi dan juga penerbitan buku.

Selain daripada bidang tujuhan (Jawahir) apakah bidang lain yang USIM belum terokai dan mampu memberi impak?

Matlamat USIM mewujudkan jawahir-jawahir adalah supaya semua pensyarah mempunyai satu bidang khusus ataupun satu jawahir yang mereka boleh menjalankan penyelidikan bersama. Antara bidang-bidang yang boleh diceburi oleh pensyarah menjalankan

penyelidikan adalah sama ada ICT, perubatan, kewangan Islam dan makanan halal. Jadi kita tidak mahu lari dari landasan yang sebenarnya, yang kita mahu penyelidikan mestilah berasaskan Quran dan Sunnah dan perspektif Islam. Jawahir juga patut diteruskan dan mestilah sama-sama membantu CoE kerana kita juga mahu salah satu CoE kita ini mencapai Hi-CoE ataupun Industries CoE. Jadi kita harap satu atau dua CoE kita ini dapat mencapai taraf Hi-CoE pada masa akan datang.

Apakah perancangan atau harapan Prof. dalam bidang penerbitan?

Penerbitan terdiri daripada pelbagai jenis seperti jurnal, buku, monograf dan pelbagai jenis penerbitan lain. Yang paling penting dan patut ditekankan ialah untuk menerbitkan hasil penyelidikan dalam jurnal-jurnal yang berimpak tinggi. Mungkin tiga ke-empat tahun sebelum ini tidak ramai yang menerbitkan dalam jurnal berimpak ini. Tetapi pada tahun lepas, kita mempunyai 15 artikel jurnal yang diterbitkan dalam ISI Q1. Ini adalah salah satu kejayaan dan kita sudah boleh bersaing dengan universiti yang lain khususnya universiti yang baru. Selain itu terdapat juga artikel yang diterbitkan dalam Scopus dan ERA. Ini menunjukkan bahawa kita sudah boleh menonjolkan USIM dalam jurnal-jurnal yang berindeks tinggi. Ini akan dapat memberi kesan kepada penarafan bintang MyRA nanti. Dari segi penerbitan buku pula, setakat ini Alhamdulillah kerana setiap tahun terdapat peningkatan dalam bidang sains sosial, kemanusiaan dan sebagainya. Banyak artikel dalam bidang sains dan teknologi dan perubatan diterbitkan tetapi penerbitan buku amat berkurang dalam bidang tersebut. Jadi inilah penekanan yang akan diberikan untuk menjadikan pensyarah dalam bidang sains teknologi ini dapat menulis buku terutama dalam bidang Sains Islam. Selain itu, mereka juga boleh bergabung antara pensyarah sains dengan bukan sains. Baru-baru ini juga kita telah memenangi dua Anugerah MAPIM. Tahniah diucapkan kepada kepada kedua-dua penulis iaitu Dr. Mohd Rumaizuddin Ghazali melalui buku "Yusuf Al-Qardawi dan Pengaruhnya dalam Masyarakat Islam di Malaysia" dan Dr. Zulkifli Hasan melalui buku "Shahriah Governance in Islamic Banks". Itu adalah satu kejayaan besar

oleh USIM dan kita sudah boleh bersaing dengan universiti lain.

Apakah harapan Prof. dalam bidang penyelidikan dan inovasi di USIM ini?

Harapan saya ialah semua pensyarah di semua fakulti dapat menggiatkan lagi usaha untuk membuat penyelidikan. Dana penyelidikan dalam pun sudah kita wujudkan. Kita telah peruntukkan sebanyak RM2 juta untuk geran penyelidikan USIM. Selain itu, kita juga banyak memperoleh geran ERGS dan FRGS daripada KPT. Mungkin kita belum ada lagi PRGS. Jadi langkah seterusnya ialah bagaimana untuk mendapatkan dana PRGS ini yang berasaskan produk. Selain itu, kita juga ada LRGS tetapi kita berkerjasama dengan universiti lain. Kita juga berharap satu-satu penyelidikan itu bukan hanya dalam satu bidang, di mana ia mestilah multi-disiplin. Sebagai contoh mungkin dalam bidang syariah dan perubatan atau sains dan kepimpinan. Jadi barulah perkembangan ilmu itu dapat dilihat. Yang penting sekali ia mestilah berlandaskan Quran dan Sunnah. Saya harap pensyarah dapat memberi tumpuan dalam bidang ini. Sebagai contoh elok juga saya rasa pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah bekerjasama dengan pensyarah sains. Kini, kita telah tempatkan pensyarah ekonomi muamalat dengan syariah di Fakulti Ekonomi dan Muamalat Nilah yang kita mahu lihat daripada fakulti lain baik FPSK, FPg, FST dan sebagainya. Sains tidak boleh duduk sesama sains sahaja, kita juga hendak tahu sains yang disebut dalam al-Quran. Kita boleh baca tafsir tetapi alangkah eloknya ada orang Quran dan Sunnah duduk bersama-sama. Dari segi teknologi mungkin orang sains boleh faham, tetapi dari segi hukum dan nas mungkin kita boleh dapat daripada orang Quran dan Sunnah serta Syariah.

Apakah harapan Prof. terhadap penerbitan buletin penyelidikan dan inovasi ini?

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat dalam penerbitan ini. Kebanyakan universiti lain telah menerbitkan buletin P&I, tetapi di USIM ini merupakan penerbitan P&I pertama. Ini kerana P&I kini telah menjadi satu agenda yang utama di samping pembelajaran dan pengajaran, hal ehwal pelajar dan sebagainya. Jadi buletin ini akan menjadi satu wadah untuk melaporkan

aktiviti P&I kepada penyelidik, industri serta masyarakat. Masyarakat hanya mengambil tahu sama ada pelajar itu keluar universiti dapat kerja ataupun tidak. Tetapi, kita juga mahu masyarakat tahu bahawa USIM juga membuat penyelidikan. Begitu juga kepada industri, kita juga akan mengedarkan buletin ini kepada industri, NGO-NGO atau pertubuhan yang mempunyai kaitan dengan USIM. Sebagai contoh, kita pernah menerbitkan Iqra' Braille, tetapi orang tidak tahu. Mungkin buletin ini boleh menjadi wadah untuk melaporkan aktiviti yang dijalankan di bawah P&I ini.

Akhir sekali kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Prof. kerana sudi meluangkan masa bersama kami untuk sesi temu bual ini.



Gabungan PTJ & CoE Memantapkan Penyelidikan, Penerbitan dan Inovasi di USIM

USIM terus berusaha untuk memantapkan bidang penyelidikan, penerbitan dan juga pelbagai inovasi agar serlahan USIM akan terus berkembang sejajar dengan visi dan misinya. Kebitaraan universiti yang mampan akan terus dikaitkan dengan kejayaan dan kebolehan universiti mencipta dan mengorak langkah. Penyelidikan akan terus menjadi tunjang utama, dimantapkan lagi dengan penerbitan yang merupakan korpius ilmu dalam pelbagai genre sama ada dalam bentuk jurnal, dan juga buku. Begitu juga kolaborasi dengan beberapa institusi yang mampan sama ada dalam negara atau di peringkat antarabangsa akan menjadi agenda utama untuk memantapkan tujahan ilmu dalam bidang yang berkaitan. Serlahan ini akan terus dimantapkan lagi dengan kesepaduan pusat-pusat ilmu yang berkaitan bagi memberikan USIM *branding* yang mampan dalam bidang keilmiah.

Di bawah Timbalan Naib Canselor (TNC) Penyelidikan dan Inovasi (P&I) terdapat beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) serta Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE) yang dinaungi, iaitu Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP), Pusat Hubungan Industri dan Pengkomersialan (PHIP), Bahagian Penerbitan (BP), Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Pusat Penyelidikan dalam Penyalahgunaan Dadah Asian (ACREDA), Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI), Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM) dan Institut Sains Islam (ISI).

Kesemua PTJ dan CoE ini bertanggungjawab mencapai sasaran masing-masing dalam bidang yang telah ditetapkan bagi membantu USIM mencapai objektif mengikut pengkhususan tersendiri. PPP contohnya merupakan pusat yang bertanggungjawab dalam mengawal, menyelia, serta memantau segala penyelidikan, seminar, pameran penyelidikan dan penerbitan dalam jurnal yang berkaitan. Dalam masa yang sama, PPP juga menyelia latihan untuk para penyelidik USIM dalam menguruskan projek penyelidikan mereka. Sehingga kini, PPP telah berjaya menggondol pelbagai anugerah dalam bidang penyelidikan, seperti lima pingat emas ketika berlangsungnya *International Invention, Innovation & Technology Exhibition - ITEX 2012*. Di samping itu, dalam pameran yang sama, PPP turut merangkul tiga pingat perak dan juga dua gangsa. Ia juga berperanan sebagai pemudah

Kesemua PTJ dan CoE ini bertanggungjawab mencapai sasaran masing-masing dalam bidang yang telah ditetapkan bagi membantu USIM mencapai objektif mengikut pengkhususan tersendiri.

cara kepada para penyelidik USIM untuk mendapatkan geran-geran penyelidikan yang disasarkan serta sebagai pemantau bagi menghadiri persidangan di dalam atau luar negara.

PHIP pula bertindak sebagai sebuah PTJ yang bertanggungjawab untuk mewujudkan *branding* yang mampan untuk USIM supaya produk atau hasil penyelidikan USIM boleh dikomersialkan dan menjana keuntungan dalam jangka masa pendek serta panjang. PHIP juga bertanggungjawab sebagai platform bagi memudahkan segala MoU dan juga MoA dengan pihak-pihak yang berkaitan untuk merealisasikan sebarang perancangan di USIM. Sehingga kini, USIM mempunyai jaringan di pelbagai negara seperti Poland, UAE, Indonesia, Brunei, Sudan, Palestin, Mesir, Jordan, Yemen, dan Iraq.

Bahagian Penerbitan (BP) pula merencanakan lagi dunia penerbitan buku dan jurnal di USIM di bawah imprint Penerbit USIM. BP berperanan sebagai PTJ yang menguruskan penerbitan buku-buku yang berkualiti dalam tiga bahasa utama iaitu bahasa Melayu, Arab dan juga bahas Inggeris.

Fokus penerbitan BP ialah penerbitan ilmiah tanpa mengeneipkan penerbitan yang berdasarkan keperluan kursus seperti buku teks, modul, dan juga prosiding. Sehingga 2013, bilangan penerbitan buku di USIM sudah mencapai lebih 270 tajuk buku dalam pelbagai bidang. BP juga turut meneroka kolaborasi penerbitan bersama dengan penerbit-penerbit lain sama ada di persada tempatan atau luar negara. Malah dalam penerbitan jurnal, BP turut menerajui penerbitan jurnal USIM iaitu 'Ulum Islamiyah dan sedang berusaha untuk mengorak langkah ke arah penerbitan jurnal yang berkualiti dengan sasaran utama supaya dapat diindeks dalam pangkalan data Scopus. Penerokaan pasaran bagi memasarkan buku-buku yang diterbitkan juga dilakukan dengan agresif di dalam dan luar negara. Pesta buku antarabangsa (PBAKL) antara platform terbesar bagi BP memasarkan buku-buku terbitan USIM. Malah pada tahun 2013, BP telah melakar sejarah apabila Penerbit USIM dipilih sebagai pemenang bagi Anugerah Buku Terbaik Kategori Sains Sosial bagi tahun 2012. BP mengorak langkah untuk menerbitkan

buku-buku dalam Islam bagi memenuhi tuntutan semasa yang memerlukan buku-buku seumpamanya.

Seterusnya INFAD yang ditubuhkan secara rasminya pada tahun 2003 merupakan CoE yang ditubuhkan dengan matlamat sebagai peneraju utama institusi yang mempunyai autoriti dan terkehadapan dalam bidang yang berkaitan dengan fatwa yang diiktiraf di semua peringkat sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Bagi tujuan tersebut, INFAD juga telah membangunkan Fatwa Management System (FMS), satu-satunya sistem yang menyediakan maklumat terkini secara sistematik berkaitan dengan maklumat yang berkaitan dengan fatwa di seluruh dunia. Sehingga kini, lebih 12 ribu fatwa yang diterbitkan dan maklumat yang berkaitan sudah berjaya dikumpul dalam sistem sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa. INFAD juga telah menerbitkan jurnal secara berkala iaitu "Journal of Fatwa Management and Research (JFMR)", monograf, buku, dan juga buletin. INFAD turut menawarkan kerjasama/perkhidmatan dalam bentuk penyelidikan, perundingan



syariah, kursus pendek, terjemahan fatwa, dan juga penganjuran seminar.

ACREDA yang ditubuhkan secara rasminya pada tahun 2010 merupakan projek melalui pembangunan Special Interest Group (SIG) dalam menangani penyalahgunaan dadah. Penubuhan ACREDA antara lainnya adalah untuk memenuhi tujuan utamanya dengan cara menjalankan penyelidikan, penerbitan, latihan dan juga perkhidmatan. Penubuhan ACREDA selari dengan KRA ketiga PSPTN yang menyasarkan kekuatan dalam bidang penyelidikan dan inovasi. ACREDA juga mempunyai matlamat untuk membangunkan kerjasama dan menyediakan platform untuk mengadakan dialog dengan para pemimpin yang perihatin di peringkat tempatan dan juga antarabangsa berkaitan dengan penyelidikan dadah dan isu yang berkaitan. Dalam masa yang sama, ACREDA bermatlamat untuk menjadi CoE di USIM yang berupaya menggerakkan dan memperkuat aktiviti penyelidikan, serta mencari peluang untuk menerbitkan artikel dalam jurnal yang bermutu tinggi, sama ada dalam atau luar negara. ACREDA mempunyai matlamat untuk menjadi pusat latihan terunggul dan menyediakan latihan yang berkaitan dalam penyalahgunaan dadah.

Islamic Science Institute (ISI) ditubuhkan dengan matlamat untuk mengintegrasikan antara nilai-nilai Islam dengan ilmu sains. Penubuhan ISI juga selaras untuk memberikan kefahaman yang mendalam kepada masyarakat bahawa konflik antara agama dan sains tidak wujud tetapi realiti sebenar dua ilmu ini bersatu secara harmoni dan mempunyai kaitan rapat antara satu sama lain. Penubuhan ISI merupakan simbol usaha USIM untuk menyatu-padukan sains dan teknologi untuk faedah umat Islam. Sehingga kini, bagi menjayakan usaha murni ini, ISI menjalankan usaha sama atau kolaborasi dengan beberapa persatuan, CoE, dan juga badan penyelidikan lain di peringkat universiti, kebangsaan dan juga di peringkat antarabangsa. Antaranya ialah Akademi Sains Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Institute for Research in Molecular Medicine (INFORM), IHRAM, IFWMI dan juga INFAD.

IHRAM pula ditubuhkan secara rasminya pada tahun 2010 dan antara CoE yang diletakkan dibawah TNC Penyelidikan & Inovasi. Sebagai sebuah CoE yang bertanggungjawab

dengan isu halal, ia bergerak seiring sebagai CoE yang menawarkan konsultasi khusus dalam bidang yang berkait rapat dengan teknologi makanan, kimia, pemasaran dan juga latihan. Sehingga kini IHRAM mempunyai makmal yang lengkap dan staf yang berpengalaman yang sentiasa bersedia memberikan perkhidmatan yang diperlukan. IHRAM juga turut menawarkan latihan dalam bidang yang berkaitan dengan isu halal dan juga menawarkan latihan praktikal yang berkaitan, analisa kajian makanan halal dan sebagainya. Antaranya dengan Halal Industry Development Corporation (HDC), Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Bahagian Veterinar, Jabatan Pertanian Sarawak dan Majlis Agama Islam Sarawak (MIS) yang bekerjasama menganjurkan kursus sembelihan halal (HALJOB) bertempat di Dorset Boutique Hotel, Kuching, Sarawak.

Di bawah payung yang sama, IFWMI turut bersama dan tampil sebagai CoE yang berfokus dalam bidang penyelidikan khususnya muamalat dan pengurusan harta seperti dalam perkhidmatan penyelidikan yang telah melakukan penyelidikan dalam bidang muamalat dan pengurusan secara Islam dalam tijiari, ijtimai'e, iqtisadi dan juga idari kluster. IFWMI turut bertanggungjawab dalam pendekatan kepada aplikasi syariah dalam *Islamic Wealth Management*. Sebagai sebuah CoE yang berkaitan dengan pengurusan ekonomi Islam, ia turut menyediakan konsultasi atau runding cara untuk membina kerjasama dengan agensi yang berkaitan dalam bidang pembangunan sosio ekonomi untuk pembangunan ummah. IFWMI juga menawarkan konsultasi kepada pelabur yang berskala kecil, menerbitkan dan menyebarkan maklumat untuk faedah bersama yang mempunyai hubungkait dengan aktiviti ekonomi. Ia juga menganjurkan seminar, forum serta diskusi, wacana intelektual, serta latihan yang berkaitan untuk menyebarluaskan segala maklumat, untuk faedah bersama.

PTJ dan CoE yang bernaung di bawah TNC P&I bergabung bersama demi mencapai matlamat USIM secara gandingan yang mantap dalam tujuhan masing-masing. Meski berlainan cara, berbeza ruang dan bidang, tetapi seperahu berdayung demi menuju prinsip dan haluan yang satu; mencapai kecemerlangan untuk USIM.

ANUGERAH / PENCAPAIAN

JURNAL PENSYARAH USIM RANGKUL ANUGERAH AKADEMIK NEGARA

PUTRAJAYA, 20 OGOS – Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Dr. Siti Nurazira Mohd Daud, menjadi antara 14 orang penerima yang menerima pengiktirafan tertinggi di Majlis Anugerah Akademik Negara (AAN) 2011 dan 2012 bertempat di Hotel JW Marriott, Putrajaya. Kejayaan ini wajar dibanggakan apabila beliau dipilih berdasarkan saringan dan penilaian yang ketat oleh Jawatankuasa Pemilih Anugerah. Pensyarah lulusan Sarjana Ekonomi dari Universiti Utara Malaysia (UUM) dan PhD dari University of Southampton, UK dengan artikelnya yang bertajuk *Revisiting The Role of External Debt in Economic Growth of Developing Countries* berjaya menggondol Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal (Bidang Sains Sosial/Sastera) dan menerima hadiah berupa trofi, wang tunai RM 50,000 dan sijil penghargaan.

AAN 2011 dan 2012 merupakan anugerah daripada Institusi Pengajian Tinggi kepada ahli akademik yang menunjukkan pencapaian keserjanaan yang cemerlang dalam bidang masing-masing dan mengharumkan nama negara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Majlis anugerah penuh berprestij di peringkat negara ini dirasmikan oleh YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Bin Hj. Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia. Turut hadir YB Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan II, YB Datuk Mary Yap Kain Ching, Timbalan Menteri Pendidikan I dan YB Tuan P Kamalanathan, Timbalan Menteri Pendidikan II.

Penulisan beliau yang memenangi anugerah ini memfokuskan kepada kajian empirikal dan analisis data terkini bagi melihat pertalian hubungan antara hutang pertumbuhan ekonomi bagi negara-negara membangun. Data yang diperoleh melalui Bank Dunia, World Development Indicator, Global Development Finance dan IMF mencakupi 31 buah negara membangun antaranya Malaysia, Bolivia, Columbia, Egypt, dan Zambia yang dianalisis berdasarkan tahap hutang dan pendapatan negara tersebut dalam tempoh 36 tahun.

AAN yang mula dianjurkan pada 2006 memberi pengiktirafan kepada para sarjana dan keserjanaan di peringkat tertinggi negara melalui sumbangan mereka dalam bidang pengajaran, pemindahan dan pengembangan ilmu, penemuan ilmu baru serta penulisan buku dan penerbitan. Kemenangan Dr. Siti Nurazira Mohd Daud, melonjakkan nama USIM dan juga menjadi pendorong serta perangsang untuk warga USIM lebih berdaya saing dan mencipta hasrat untuk memenangi anugerah sebegini pada masa hadapan.



ANUGERAH / PENCAPAIAN

Oleh: Prof. Madya Dr. Alina Abdul Rahim



BAMBUSIA POWDER BAWA TUAH KEPADA PELAJAR USIM DI LONDON

London- 25 Oktober – Buat pertama kalinya dalam penyertaan sulung dalam British Invention Show (BIS) 2013, di Barbican Exhibition Centre, London baru-baru ini, USIM mencipta sejarah apabila memenangi dua pingat emas kategori “Special awards”, iaitu “Double Gold award” dan juga “Gold Medal” untuk Kategori Konsumer. Kemenangan ini diperolehi bagi produk daripada rebung yang menyumbangkan serat, perisa dan nutrien yang mampu digunakan sebagai ramuan makanan dalam pelbagai jenis produk. Pameran yang berlangsung dari 23 hingga 26 Oktober lepas menyaksikan pengunjung dari serata dunia hadir untuk melihat pameran yang amat berprestij ini.

Kemenangan ini menjadi lebih bermakna apabila USIM menjadi institusi pengajian tinggi Malaysia yang memenangi anugerah dalam BIS 2013. Kejayaan USIM ini memberi makna yang besar bukan sahaja kepada universiti tetapi juga kepada Malaysia, memandangkan penyertaan ini turut melibatkan pesaing yang terdiri daripada peserta dari pelbagai negara seperti Eropah, Taiwan, dan Timur Tengah, yang menonjolkan reka cipta produk dan inovasi masing-masing. Projek Bambusia USIM diwakili oleh enam pelajar tahun empat dari Fakulti Sains Teknologi iaitu; Zulfawwaz bin Mohamad, Mohamad Wafi bin Shamsudin, Mohamad Syafiq bin Saifudin, Mohd Akmal bin Zakaria, Mohamed Sabri bin Esa, dan Muhammad Saifullah bin Mohd Yusof, bersama Prof Madya Dr Alina binti Abdul Rahim selaku penasihat dan Encik Marwan bin Tahir sebagai pegawai pengiring

Menurut ketua pasukan yang mewakili USIM, Zulfawwaz Mohamad berkata produk mereka yang diberi nama *Bambusia Powder* dihasilkan selepas kajian selama enam bulan. Kajian ini membuktikan bahawa banyak hasil bumi Malaysia boleh diketengahkan untuk menjadi produk yang bermutu tinggi. Menurut beliau juga produk yang dihasilkan ini mampu menandingi kualiti dan standard makanan di peringkat antarabangsa yang sememangnya mempunyai kriteria yang ketat dalam prosedur tersebut.





Anugerah Buku Terbaik (Kemanusiaan dan Sains Sosial (KSS) - MAPIM 2012

Pada 30 April 2013 yang lalu, Penerbit USIM berjaya memenangi Anugerah Buku Terbaik (Kemanusiaan dan Sains Sosial (KSS)) untuk buku bertajuk Yusuf Al-Qaradawi dan Pengaruhnya dalam Masyarakat Islam di Malaysia di Majlis Anugerah MAPIM 2012 yang diadakan di Hotel Marriot, Putrajaya. Penulis buku tersebut iaitu Dr. Mohd Rumaizuddin Ghazali, pensyarah Fakulti Kepimpinan & Pengurusan (FKP) memenangi hadiah utama kategori tersebut iaitu wang tunai RM12,000.00, trofi dan sijil. Penerbit USIM turut menerima RM3,000 berserta dengan sijil dan trofi. Dalam masa yang sama, USIM turut memenangi Kategori Anugerah Buku Terbaik Bukan MAPIM (Kemanusiaan dan Sains Sosial) yang bertajuk Shahriah Governance in Islamic Banks. Pengarang buku ini ialah Dr. Zulkifli Hassan, pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU). Buku ini diterbitkan oleh Edinburgh University Press dan pemenang layak membawa balik hadiah utama wang tunai RM12,000.00, trofi dan sijil.



Info Harta Intelekt

Harta Intelekt	Ikon	Definisi
PATEN/PATENT		<p>Paten adalah satu hak eksklusif yang dianugerahkan oleh pihak kerajaan untuk suatu rekacipta baru sama ada ia adalah satu produk atau satu proses. Perlindungan Paten adalah selama 20 tahun dari tarikh pemfailan. Paten akan dianugerahkan apabila ia menepati ciri-ciri seperti (i) Baru/Novelti, (ii) Melibatkan langkah merekacipta dan (iii) boleh digunakan dalam mana-mana industri.</p>
CAP DAGANGAN / TRADEMARK		<p>Cap dagangan atau lebih dikenali sebagai tanda, jenama, logo atau tanda niaga adalah tanda yang diletakkan pada barang atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh seseorang pengeluar untuk mengenal dan membezakan daripada barang atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh pihak lain. Cap dagangan boleh terdiri daripada perkataan, logo, gambar, nama, huruf, nombor atau kombinasi daripada unsur-unsur tersebut.</p>

USIM ANJUR i-NOVA '13 - Islamic Innovation 13



NILAI - 26-27 Oktober 2013. Pada tahun ini sekali lagi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganjurkan Ekspo Inovasi Islam atau lebih dikenali sebagai i-NOVA'13 bertempat di Stadium Tertutup Nilai. Program tahunan ini yang telah dimulakan penganjurannya sejak tahun 2010 lagi dan tahun ini merupakan tahun keempat penganjurannya. Ekspo i-NOVA'13 ini telah diadakan dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Universiti Sains Malaysia (USM), serta sokongan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Majlis Perasmian i-NOVA' 13 telah disempurnakan oleh DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud, Canselor USIM pada 26 Oktober 2013. Majlis itu juga turut dihadiri oleh YAM Tunku Besar Sri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Ibni Tunku Muhriz, Pro Canselor USIM, Naib Canselor USIM, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Asma Ismail, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Y.Bhg. Prof. Dr. Mustafa Mohd Hanefah dan juga ahli pengurusan tertinggi USIM yang lain.

Pada 27 Oktober 2013 pula telah diadakan Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah i-NOVA'13 yang telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah. Turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin, Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Asma Ismail serta ahli pengurusan tertinggi USIM yang lain.

Pada majlis tersebut sebanyak tujuh produk telah menerima Anugerah Emas bagi Kategori Terbuka, sembilan Anugerah Perak dan 20 Anugerah Gangsa. Hadiah-hadiah utama iaitu Anugerah Ibnu Sina telah dimenangi oleh Agensi Nuklear Malaysia menerusi produk *Nucleoniceye: Portable/Mobile Gamma-Ray Gauge To 'See' Level And Its Content Inside Fire Extinguisher*. Bagi Anugerah Al-Khawarizmi pula telah dimenangi oleh USM menerusi produk *Sustainable Pocket Education: Interactive Mobile Learning* dan Anugerah MINDS telah dimenangi oleh Pisang Sdn. Bhd. menerusi produk *Dinarpal: Islamic Digital Money*. Manakala bagi Anugerah Ibnu Maqzum (OKU) dan Anugerah Inovasi Islam telah digondol oleh USIM menerusi produk *Uthmanic Model Of Quranic Orthography In Braille*.

Bagi Kategori Mahasiswa pula sebanyak lima produk telah menerima Anugerah Emas, empat Anugerah Perak dan 10 Anugerah Gangsa. Bagi hadiah-hadiah utama pula Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerusi produk *Green Oil Absorbent From Modified Rubber* telah memenangi dua anugerah utama iaitu Anugerah Inovasi Islam dan Anugerah Ibnu Sina. Manakala USIM menerusi produk *Horley Laksa Noodle Made From Barley* telah memenangi dua anugerah juga iaitu Anugerah Al-Khawarizmi dan Anugerah MINDS.

i-INOVA'13 turut dimeriahkan dengan kehadiran rakan inovasi iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Persatuan Saintis Muslim Malaysia (PERINTIS), Persatuan Rekacipta dan Rekabentuk Malaysia (MINDS), Yayasan Pendidikan AL-Quran bagi Anak Istimewa (FAQEH) dan Persatuan Usahawan Istimewa (OKU) Malaysia. Kerjasama dan sokongan daripada ASM, USM, MOSTI dan KPM serta kehadiran rakan inovasi merupakan mercu tanda kepercayaan pelbagai pihak terhadap kredibiliti i-INOVA'13.

Pada tahun ini juga, i-INOVA'13 telah pun mengorak langkah ke hadapan dengan mewujudkan satu lagi kategori pertandingan khas bagi membantu Orang Kurang Upaya (OKU) yang selari dengan tema pada tahun ini, *Inspiring Islamic Innovative Minds*. Antara sasaran yang ditetapkan oleh pihak penganjur ialah agar produk inovasi yang dihasilkan dapat membantu memudahkan urusan harian dan meningkatkan produktiviti golongan OKU dan berteraskan Sains Islam.

Dalam usaha untuk memenuhi aspirasi kerajaan bagi meningkatkan inovasi dan pemikiran kreatif sebagai satu budaya dikalangan pelajar, penyelidik dan usahawan tempatan, i-INOVA'13 turut memperkenalkan pertandingan Tunas Cipta yang merupakan pertandingan kreativiti dan inovasi khusus bagi pelajar sekolah, bagi memupuk dan mencungkil bakat-bakat muda dalam eksplorasi serta penghasilan inovasi baharu yang berteraskan Sains Islam yang bermanfaat bagi ummah terutama golongan OKU.



Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP) Memperkasakan Penyelidikan dan Inovasi di USIM

Pada awal tahun 2013, Naib Canselor USIM, YBhg Prof. Dato' Asma Ismail telah mengumumkan dalam Amanat Tahun Baru mengenai Skema Baru Geran Penyelidikan USIM untuk memperkasakan penyelidikan dan inovasi USIM. Skema ini merangkumi Geran Insentif, Jangka Pendek, Berpasukan (Geran-T) dan Kluster (Geran-C), Skema Persidangan Dalam dan Luar Negara, Skema Pembiayaan Jurnal dan Skema Pembiayaan Pembentangan Lisan dalam persidangan bagi Pelajar Siswazah. Skema Geran Penyelidikan USIM ini merupakan salah satu kaedah untuk meningkatkan penyelidikan dan inovasi di USIM.

PEMBOLEH UBAH PENYELIDIKAN: SKEMA BARU GERAN PENYELIDIKAN USIM

Jenis Geran	Geran Insentif	Geran Jangka Pendek	Geran USIM Berpasukan (USIM-T)	Geran USIM Kluster (USIM-C)
Syiling Peruntukan (RM)	RM1,000	RM20,000	RM100,000	RM300,000
Tempoh	12 bulan	24 bulan	2 + 1 tahun	3 + 1 tahun
Catatan	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah dan Gred 45 ke atas • Kelulusan TNC P&I 	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah dengan Gred 45 ke atas • Min: 2 orang pensyarah • Penilaian Peringkat JK Penyelidikan • Kelulusan NC 	<p>KOMPETITIF</p> <ul style="list-style-type: none"> • Min: 5 orang penyelidik • Penilaian peringkat JK Penyelidikan • Kelulusan NC 	<p>GERAN PALING KOMPETITIF</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kluster terdiri dari 3 kumpulan penyelidik yang digabungkan • Penilaian peringkat JK Penyelidikan • Kelulusan NC

Penyelidik muda dipupuk untuk menjadi pemimpin yang matang dalam penyelidikan / ikon penyelidikan

Pencapaian Dana Penyelidikan Tahun 2013 (sehingga 30 September 2013)

Dana yang berjaya dikumpul bagi tahun 2013 (sehingga September 2013) ialah RM4,031,093.00.

Capaian Dana Penyelidikan USIM Bagi Tahun 2013 (Jan- September 2013)

Tahun 2011	Tahun 2012	Tahun 2013
RM2,760,229.00	RM5,420,154.00	RM4,031,093.00

Pecahan Dana Tahun 2013:

Dana USIM	Dana Kerajaan	Dana Swasta	Dana Antarabangsa
RM344,960.00	RM3,287,781	RM350,352.00	RM48,000.00
JUMLAH	RM4,031,093.00		

Geran NRGs (*Niche Research Grant Scheme*) 2013

Geran NRGs diperkenalkan oleh Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) adalah untuk membangunkan nic bagi IPTA yang bertaraf Universiti Komprehensif/Teknikal. Jumlah yang diperuntukkan ialah RM11 juta untuk 11 buah universiti berkenaan setiap tahun untuk tempoh maksimum lima tahun. Hasil daripada siri pembentangan pertama, USIM diminta untuk mengemukakan tajuk projek yang lebih fokus dan sustainable serta memilih satu nic yang menonjolkan USIM dalam bidang tersebut. Projek ini diketuai sendiri oleh YBhg Dato' Naib Canselor.

Beberapa bengkel telah diadakan untuk menggubal dan menyediakan cadangan projek di bawah program NRGs ini. Tajuk baharu diwujudkan dan penggabungan penyelidik dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Fakulti Sains dan Teknologi, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, dan Institut Sains Islam dilaksanakan. Hasilnya satu kertas cadangan program dapat dibentuk. Bidang Nic USIM ialah Sains Islam dan kertas program ini mengintegrasikan Naqli dan Aqli, selaras dengan falsafah USIM.

"FUNDAMENTAL APPROACHES TOWARDS USAGE AND MECHANISMS
OF PROPHETIC FOOD IN PRESERVING HEALTH"

USIM telah berjaya memperoleh Geran NRGs berjumlah RM5 juta untuk tempoh 5 tahun bermula November 2013.



PENCAPAIAN PRODUK INNOVASI

USIM telah menyertai Novel Research & Innovation Competition 2013 (NRIC) pada 22 Ogos 2013, di USM, Pulau Pinang. Sebanyak 10 penyertaan projek penyelidikan yang disertai oleh pelajar prasiswazah USIM dengan keputusan pencapaian yang boleh dibanggakan iaitu:

Pingat	Bil.Pingat	Nama Produk
EMAS	1	· Easy Jawi.
PERAK	1	· Bambusia Pasta
GANGSA	5	· e-Gelandangan, · Module Laboratory Innovation Centre of Islamic Science Studies (ICISS), · Clothesline Cover (CLC), · e-Mentoring · Master Pie

Produk Bambusia Pasta dipilih oleh USIM untuk dipamerkan di British Invention Show di London pada hujung tahun ini. Seramai tiga orang mahasiswa, seorang pensyarah dan seorang pegawai HEP akan menyertai acara tersebut.

PERSIDANGAN



Penggerak penyelidikan seterusnya adalah dengan memberi sokongan kepada pensyarah untuk pembentangan lisan dalam persidangan atau seminar di dalam dan luar negara.

Berikut adalah data persidangan yang telah dihadiri oleh kakitangan akademik USIM daripada 2011 hingga April 2013.

Tahun	Jumlah Kehadiran Kakitangan Akademik USIM ke Persidangan		Jumlah Biaya			
	Dalam Negara	Luar Negara	Dana Persidangan USIM		Dana Penyelidikan	
			Dalam Negara	Luar Negara	Dalam Negara	Luar Negara
2006	214	31	126,562.00	205,508.00	4,334.00	6,100.00
2007	264	34	149,009.35	192,656.41	9,954.00	0.00
2008	315	49	203,601.10	173,613.06	12,480.00	26,354.00
2009	278	39	191,083.00	228,465.20	3,784.00	11,500.00
2010	283	34	59,875.20	28,707.83	19,906.80	12,222.00
2011	389	80	106,749.85	121,582.10	46,888.40	85,288.00
2012	259	66			20,168.00	34,034.50
2013	88	59	13,989.16	100,075.47	18,641.65	77,013.30
Jumlah	2090	392	850,869.66	1,050,608.07	136,156.85	252,511.80
Jumlah Besar	941		1,901,477.73		388,668.65	



Data Penerbitan dalam Jurnal Berindeks

Pencapaian penerbitan dalam jurnal berindeks ISI/Scopus terus meningkat. Berbanding dengan tahun 2012, penerbitan dari penyelidik USIM dijangka melebihi pencapaian tahun 2012 pada akhir tahun 2013.



Dalam penerbitan ISI, USIM secara keseluruhan mempamerkan peningkatan mulai tahun 2010 dengan tiga fakulti menjadi pendahulu; Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM).

Trend yang sama juga terdapat dalam penerbitan Scopus. Terdapat peningkatan kadar penerbitan bermula dari tahun 2010 dengan tiga fakulti menjadi pendahulu; Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) dan Institute for Halal Research and Management (IHRAM).






Seminar Prinsip dan Amalan Institut Penyelidikan Awam - Perkongsian Industri Pemindahan Teknologi Pelesenan dalam Produk Halal

NILAI - 2 Julai 2013. Dalam usaha meningkatkan pengetahuan berkaitan pengkomersialan produk-produk penyelidikan USIM, Pusat Hubungan Industri dan Pengkomersialan (PHIP) telah menganjurkan Seminar Prinsip dan Amalan Institut Penyelidikan Awam - Perkongsian Industri Pemindahan Teknologi Pelesenan Dalam Produk Halal bertempat di Bilik Latihan, Aras 4 Bangunan Perpustakaan USIM.

Penceramah jemputan bagi seminar ini adalah Mr. Muthu Singaram, Chief VibaZoner daripada VibaZone Sdn Bhd yang merupakan perunding perniagaan yang mempunyai kerjasama erat dengan industri tempatan mahupun luar negara. Seminar dimulakan dengan ucapan aluan oleh Pengarah PHIP Y.Brs. Prof. Madya Dr. Awangku Abdul Rahman Awangku Yussuf kepada penceramah jemputan dan peserta seminar yang terdiri daripada kakitangan akademik USIM. Objektif seminar ini adalah untuk berkongsi pengalaman pengkomersialan dengan pihak industri, memberi pendedahan kepada warga akademik USIM akan teknologi terkini dalam industri dan berkongsi pendedahan dengan institusi pengajian tinggi di sekitar USIM berkaitan dengan pengkomersialan produk.

RENTETAN PERISTIWA 2012-2013





BENGGEL KUMPULAN FOKUS PENDIDIKAN KEWANGAN DI TEMPAT KERJA

13 JUN 2013



Oleh: Faizudin Ahmad

BENGGKEL PEMURNIAN DASAR HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSIALAN

NILAI - 24 Jun 2013. Bagi memantapkan lagi pengurusan Harta Intelek Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Pusat Hubungan Industri dan Pengkomersialan (PHIP) telah menganjurkan Bengkel Pemurnian Dasar Harta Intelek dan Dasar Pengkomersialan USIM. Bengkel ini telah diadakan di Nilai Springs Resort & Hotel pada 24 Jun 2013 dan dirasmikan oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Asma Ismail, Naib Canselor USIM. Para jemputan terdiri daripada Ketua-Ketua Jawahir serta pakar-pakar daripada USIM dalam bidang berkaitan. Matlamat penganjuran bengkel ini adalah bertujuan untuk memurnikan kembali Dasar Harta Intelek serta Dasar Pengkomersialan USIM agar ia selari dengan keadaan semasa serta Pekeliling kerajaan.

Bagi memantapkan lagi Dasar Harta Intelek USIM, beberapa perbandingan antara garis panduan dan dasar harta intelek IPTA-IPTA termasuk Universiti Penyelidikan (USM, UKM, UTM), Universiti Komprehensif (UNIMAS), Universiti Teknikal (MTUN) - UNIMAP, UMP, UTHM) serta dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) bagi memantapkan lagi Dasar Harta Intelek USIM. Dengan adanya Dasar Harta Intelek dan Pengkomersialan ini, pihak universiti berharap agar penyelidik-penyelidik lebih berusaha untuk menghasilkan inovasi yang baru serta produk-produk USIM dilindungi di bawah hak harta intelek.



BENGGKEL PEMURNIAAN DASAR DAN POLISI
HARTA INTELEK USIM
24 JUN 2013



BAHAGIAN PENERBITAN

Oleh: Hariza Mohd Yusof



Majlis Kalam Bitara 2013 Meraikan Penulis

10 Oktober 2013- Bahagian Penerbitan USIM sekali lagi menganjurkan Majlis Kalam Bitara 2013. Majlis ini merupakan kesinambungan majlis-majlis sebelum ini yang pernah dianjurkan oleh Bahagian Penerbitan dalam usaha memartabatkan penerbitan ilmiah di USIM dan Malaysia amnya. Dalam majlis yang dirasmikan oleh Pengerusi LPU, Y.Bhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdul Shukor Haji Husin ini meraikan 80 orang penerima royalti dengan jumlah pembayaran RM73,564.22. Majlis ini turut dihadiri oleh Y.Bhg Profesor Dato' Dr. Asma Ismail, Naib Canselor USIM dan juga Y.Bhg Profesor Dr. Mustafa Mohd Hanefah, TNC (Penyelidikan & Inovasi), merangkap Pengerusi JK Penerbitan USIM.

Dalam majlis yang sama juga dua kategori anugerah turut diberikan kepada para penulis yang layak iaitu Anugerah Buku Terlaris (mengikut tiga bahasa) dan juga Anugerah Penulis Prolifik (tiga bahasa). Penerima anugerah ialah En. Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali bagi kategori Bahasa Melayu, Dr. Muhammad Ridhwan Ab. Aziz bagi kategori Bahasa Inggeris dan Prof. Madya Dr. Asma Abdul Rahman bagi kategori Bahasa Arab. Malah beliau turut menerima hadiah berganda apabila turut menerima Anugerah Penulis Profilik (kategori B.Arab) bersama Dr. Mohd Rumaizuddin Ghazali (kategori B.Melayu)

Majlis yang diadakan secara dwitahunan ini merupakan majlis khas yang untuk menyampaikan bayaran royalti kepada semua penulis yang pernah menulis dengan Penerbit USIM. Pemberian royalti adalah berdasarkan kepada jumlah buku yang terjual bermula daripada awal sehinggalah tahun 2012. Majlis ini bukan sahaja melibatkan para penulis USIM, tetapi juga para penulis dari luar yang pernah menerbitkan buku dengan USIM.



Oleh: Mohd Faiz Hamzah


Lawatan ke Kumpulan Media Karang kraf dan Rumah Amal Nur Muhammad

Pada 10 April 2013, Bahagian Penerbitan (BP) telah mengadakan lawatan ke Kompleks Karang kraf di Shah Alam, Selangor. Lawatan ini disertai oleh kesemua staf BP dan diketuai oleh Ketua BP, Puan Hariza Mohd Yusof. Lawatan ini membuka peluang kepada staf BP menimba ilmu dan pengalaman daripada penerbit yang terbesar di Malaysia.

Hasil daripada lawatan tersebut staf BP dapat menimba ilmu daripada proses suntingan majalah, buku dan akhbar, proses rekaan grafik dan seterusnya sehingga ke proses percetakan. Dalam masa yang sama, ia juga dapat membuka peluang kerjasama seperti menyediakan bahan-bahan untuk berita dan majalah serta penganjuran bersama karnival jualan buku dengan pihak Karang kraf.

Seterusnya pada hari yang sama, BP juga telah mengadakan lawatan ke Rumah Amal Nur Muhammad yang terletak di Subang. Lawatan ini merupakan satu aktiviti di bawah Corporate Social Responsibility (CSR) BP. Rumah Amal ini didiami oleh kanak-kanak daripada golongan asnaf.

Dalam lawatan ini, BP telah menyalurkan sumbangan berupa bahan-bahan makanan, pakaian serta wang ringgit. Lawatan ini dapat memupuk kesedaran kepada staf BP dalam membantu golongan yang memerlukan. Semoga aktiviti seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan.



Peluang Kerjasama Penerbitan Sempena TIBF 2013

3-6 Julai 2013 telah berlangsungnya Tokyo International Book Fair (TIBF) 2013 bertempat di Tokyo Big Sight, Jepun. Penerbit USIM sekali lagi pada tahun ini telah menerima jemputan daripada pihak Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) untuk bersama-sama sebagai delegasi dari Malaysia ke TIBF2013. Berikutan respons positif daripada TIBF tahun lalu, Penerbit USIM sekali lagi telah menyertai pesta buku ini.

Sebanyak tiga penerbit dari Malaysia telah menyertai TIBF pada kali ini iaitu ITBM, Penerbit USIM dan Penerbit Antarkus. Perasmian TIBF2013 telah dirasmikan oleh Putera Jepun, Putera Akishinomoya



bersama Ahli Jawatankuasa Eksekutif TIBF, tokoh industri buku dan duta-duta dari negara terlibat termasuk Duta Malaysia ke Jepun, Datuk Shaharuddin Md Som.

Sempena berlangsungnya TIBF ini, Penerbit USIM telah berjaya mengadakan perbincangan dan perjanjian penerbitan dan pengedaran baik bersama penulis, penterjemah, penerbit, pengedar dan pustakawan di TIBF. Sasaran TIBF pada kali ini ialah untuk meneroka peluang kerjasama penerbitan sama ada melalui penerbitan bersama atau penjualan hak cipta buku selain membuka peluang pasaran untuk jualan buku di Jepun. Buku *Introduction to Islamic Institutions in Economics and Finance* telah diambil untuk dinilai kesesuaian terbitan oleh University of Tokyo Press.

Selain itu, tajuk-tajuk buku Penerbit USIM juga mendapat perhatian daripada masyarakat Jepun yang mencari maklumat mengenai Sains Islam. Buku dalam Bahasa Inggeris juga turut mendapat permintaan yang memberangsangkan daripada masyarakat Jepun selain buku dalam bahasa Jepun sendiri. Usaha untuk menambahkan bilangan judul buku yang bercirikan Sains Islam perlu digiatkan lagi agar judul-judul ini dapat memenuhi permintaan masyarakat Jepun sempena TIBF 2014 kelak.





Seminar Pemikiran Tokoh Mufti Siri 1: Al-`Allamah Dato' Syed Alwi Bin Tahir Al-Haddad, Mantan Mufti Negeri Johor

24 SEPTEMBER 2013 - Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Malaysia USIM dengan kerjasama Jabatan Mufti Johor telah menganjurkan Seminar Pemikiran Tokoh Mufti Siri 1: Al-`Allamah Dato' Syed Alwi bin Tahir al-Haddad, Mantan Mufti Negeri Johor. Objektif seminar ini adalah untuk mengkaji metodologi yang digunakan oleh beliau khususnya dalam pengeluaran fatwa dan hukum. Selain itu, ia juga dapat memperkenalkan tokoh berkenaan sebagai generasi ulama' terdahulu yang banyak memberi sumbangan dan peranan dalam pembangunan masyarakat Islam pada waktu itu.

Sebanyak empat kertas kerja telah dibentangkan di seminar ini iaitu:

1. *Sejarah Hidup dan Sumbangan Al-`Allamah Dato' Syed Alwi Bin Tahir al-Haddad*
Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Adel M. Abdul Aziz Algeriani,
Penyelaras Unit Perhubungan dan Rangkaian Antarabangsa INFAD
2. *Mufti al-`Allamah Dato' Syed Alwi bin Tahir Al-Haddad Sebagai Intelektual Ummah*
Y. Bhg. Prof Madya Dr. Rahimin Affandi Abdul Rahim
Y. Bhg. Prof. Madya Datin Dr. Noor Naemah Abdul Rahman
Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
3. *Manhaj Istihsat Fatwa di sisi Al-`Allamah Dato' Syed Alwi Bin Tahir al-Haddad*
Y. Bhg. Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, Karyawan Tamu INFAD
4. *Metodologi Ifta' Menurut Sohibus Samahah Dato' Syed Alwi Bin Tahir Al-Haddad: Kajian Kes Terhadap Kaedah Istihsat Fatwa Berkaitan Zakat dan Muamalat*
Y. Bhg. Dr. Arieff Salleh Rosman
Pengarang, Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST), Universiti Teknologi Malaysia

Seminar yang mendapat pembiayaan sepenuhnya daripada Jabatan Mufti Johor telah dirasmikan oleh YBhg. Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, USIM. Beliau turut memuji langkah yang diambil oleh INFAD bagi memberi kefahaman dan penjelasan kepada masyarakat terutama berkaitan fatwa dan kepentingannya dalam menyelesaikan permasalahan umat Islam yang berdepan serangan dan ancaman yang hebat terutama menyesatkan akidah seperti syiah dan sebagainya.

PELANTIKAN KARYAWAN TAMU INFAD

Universiti Sains Islam Malaysia telah melantik Y.Brs. Dr. Zulkifli Mohammad al-Bakri sebagai Karyawan Tamu INFAD bagi tempoh 1 tahun bermula 1 Ogos 2013 yang lalu. Beliau yang dipilih berdasarkan pengalaman dan kepakaran luasnya dalam bidang fatwa, hukum dan sebagainya. Pelantikan Karyawan Tamu ini adalah langkah tepat untuk memantapkan dan memperkukuhkan lagi peranan INFAD khususnya dalam bidang penyelidikan berkaitan fatwa dan hukum. Ia juga selaras dengan hasrat dan hala tuju INFAD ke arah menjadi sebuah pusat penyelidikan, perundangan dan rujukan fatwa yang tersohor di peringkat negara dan antarabangsa.

PELANTIKAN FELO PENYELIDIK INFAD

Bagi memantapkan kualiti dan kuantiti penyelidikan, INFAD telah melantik tujuh orang ahli akademik USIM daripada Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Fakulti Pengajian Quran dan sunah (FQS) sebagai Felo Penyelidik INFAD. Felo yang dilantik selama tiga tahun ini merupakan ahli pasukan penyelidikan bagi tiga geran penyelidikan FRGS yang diperoleh INFAD pada tahun 2013. Antara bidang tugas yang perlu dijalankan oleh felo berkenaan adalah seperti berikut:

1. Menjalankan penyelidikan di bawah Institut, termasuk kerja perundangan
2. Membantu dalam permohonan geran dan penajaan pendapatan di Institut.
3. Menghasilkan penerbitan dalam jurnal berindeks / buku;
4. Membentang kertas kerja;
5. Menyelia calon pasca siswazah;
6. Membantu melaksanakan aktiviti-aktiviti / tugas-tugas lain, seperti pelaksanaan seminar atau muzakarah pembinaan jaringan, kursus pendek dan lain-lain yang ditetapkan.

MUZAKARAH INFAD SIRI 1

26 JUN 2013 – INFAD telah mengadakan Muzakarah Siri 1 bertajuk *Pendermaan Organ atau Tubuh Badan Untuk Tujuan Penyelidikan*. Penyelidikan ini telah dibentangkan oleh Y.Brs. Dr. Farah Salwani binti Muda @ Ismail dan Y.Brs. Dr. Hamza Abed al-Karim Hammad daripada Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU). Masyarakat Islam pada masa kini berdepan dengan pelbagai isu-isu baru yang memerlukan penyelesaian fatwa dan hukum. Perkembangan isu semasa ini menuntut kepada kajian dan penyelidikan yang menyeluruh bagi merungkai dan menyelesaikannya. Antara isu yang berlaku adalah melibatkan pendermaan organ atau anggota tubuh badan manusia. Muzakarah ini turut dihadiri oleh jemaatan luar USIM seperti JAKIM dan sebagainya.



SEMINAR KEBANGSAAN PENCEGAHAN PENYALAHGUNAAN DADAH 2013 (PREVENT 2013)

NILAI - 22 Mei 2013. Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA) USIM dan pelajar Program Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah) SPADA USIM dengan kerjasama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menganjurkan Seminar Kebangsaan Pencegahan Penyalahgunaan Dadah 2013 (PREVENT 2013). Seminar ini merupakan aktiviti tahunan bagi pihak ACREDA dan pelajar Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah) SPADA USIM dalam menyalurkan maklumat dan menjadi platform kepada kaedah pencegahan, rawatan dan pemulihan dadah yang berkesan. Pada kali ini, tema yang dipilih bagi PREVENT 2013 ialah rawatan pemulihan berteraskan Islam. Seminar ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj Husin, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, USIM dan turut dihadiri oleh Y. Bhg Profesor Dato' Dr. Asma Ismail, Naib Canselor USIM.

Seminar yang telah berlangsung selama dua hari ini juga telah mendapat perhatian daripada pihak kerajaan, badan-badan swasta, pemimpin komuniti, wakil NGO dan pusat-pusat rawatan pemulihan dadah seperti Jabatan Penjara Malaysia (JPM), PEMADAM, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Sembilan, Telekom Malaysia, Ibu Pejabat Polis Negeri Sembilan dan Persatuan Kebajikan Bina Budi Malaysia. Terdapat pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang PREVENT 2013 ini berlangsung seperti pameran berkenaan penyalahgunaan dadah, ceramah, sesi pembentangan dan bengkel mengenai rawatan pemulihan dadah berteraskan Islam.

Usaha murni dalam menganjurkan seminar pencegahan ini akan diteruskan lagi setiap tahun bagi memastikan perkongsian maklumat, pengalaman dan kaedah rawatan pemulihan dadah berteraskan Islam diteruskan dan satu garis panduan yang selaras dibentuk bagi pusat-pusat rawatan pemulihan penyalahgunaan dadah di Malaysia. Hasil perbincangan dan kaedah rawatan serta pencegahan yang dikongsi sepanjang seminar ini berlangsung adalah bertujuan untuk diaplikasikan di semua pusat rawatan pemulihan dadah berteraskan Islam di seluruh Malaysia.



DARUL ISLAH BENTUK AKHLAK DAN JATI DIRI PENAGIH

SABAK BERNAM – 21 Ogos 2013. Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA) yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Mohd Rusdan Mohd Jailani, Pengarah ACREDA dan bersama beberapa Felo Penyelidik dan Penyelidik Bersekutu ACREDA telah mengadakan satu lawatan ke Darul Islah bagi menyaksikan sendiri usaha rawatan dan aktiviti yang dijalankan di pusat pemulihan ini. Rumah Kebajikan Darul Islah yang terletak di Sabak Bernam, Selangor merupakan salah satu pusat pemulihan yang menggunakan pendekatan agama Islam sebagai asas dalam rawatan pemulihan.

Sepanjang lawatan berlangsung, beberapa siri ceramah telah diadakan oleh Profesor Madya Dr. Mohd Rusdan Mohd Jailani dan beberapa orang Felo Penyelidik ACREDA. Turut diadakan ialah sesi Halaqah yang mengumpulkan penghuni-penghuni pusat ini dengan dipimpin oleh Felo-Felo Penyelidik ACREDA.

Pusat pemulihan ini telah mendapat sumbangan dan bantuan daripada pihak MAIS bagi memastikan para penghuni pusat mendapat kemudahan yang lengkap sepanjang tempoh pemulihan. Uniknyanya, pusat pemulihan ini terbahagi kepada dua fungsi iaitu memberi rawatan pemulihan berkonsepkan terapi Islam kepada pesakit penyalahgunaan dadah. Pusat pemulihan ini juga turut memberi peluang kepada pesakit untuk menjalankan aktiviti seperti penternakan kambing dan projek tanaman kelapa sawit bagi meningkatkan keyakinan serta keyakinan diri pesakit apabila keluar dari pusat ini. Satu kerjasama akan diadakan antara pihak ACREDA dan Darul Islah dalam masa yang terdekat sebagai usaha membantu penghuni pusat pemulihan tersebut berdikari dan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan apabila keluar dari pusat pemulihan tersebut (program Aftercare).



UMCAS KAJI KEBERKESANAN METHADONE

KUALA LUMPUR – 28 Ogos 2013. Satu lawatan telah diadakan oleh pihak Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asan (ACREDA) dan bersama Felo Penyelidik dan Penyelidik Bersekutu ACREDA ke University Malaya Centre of Addiction Sciences (UMCAS) Kuala Lumpur. Objektif lawatan ini diadakan adalah untuk melihat kajian serta pengurusan UMCAS sebagai salah satu Pusat Kecemerlangan (CoE) di institusi pengajian tinggi awam di Malaysia.

Lawatan ini telah disambut oleh Y.Bhg Profesor Mohamad Hussain Habil, Pengarah UMCAS dan sepanjang lawatan berlangsung, beberapa penerangan telah diberikan tentang keberkesanan pengambilan Methadone terhadap pesakit penyalahgunaan dadah. Methadone merupakan sejenis ubat dadah gantian yang digunakan untuk merawat ketagihan dadah seperti heroin, morfin dan kodein. Ubat gantian ini telah digunakan secara meluas di pusat rawatan penyalahgunaan dadah di seluruh dunia dan pihak UMCAS telah menjalankan kajian terhadap kesan dan keberkesanan pengambilan ubat tersebut.

Sepanjang lawatan berlangsung, peserta telah didedahkan dengan pelbagai informasi berkenaan penyelidikan dan inovasi yang telah dibuat di UMCAS dan sesi perkongsian ilmu turut diadakan. Rombongan daripada ACREDA turut dibawa melawat ke lokasi Spiritual Enhanced Drug Addiction Rehabilitation Project (SEDAR) yang bertempat di Surau Addiniah, Universiti Malaya. Pusat rawatan ini telah dikendalikan sendiri oleh pihak UMCAS. Hasil perbincangan daripada lawatan telah membuahkan idea kepada pihak UMCAS untuk menjalinkan Memorandum Perjanjian (MoA) dengan pihak ACREDA dalam masa terdekat ini.

IHRAM

Oleh: Najihah Budah @ Udah

Bengkel Penulisan & Penerbitan Jurnal IHRAM

NILAI, 27 - 29 Ogos 2013 - IHRAM telah mengambil inisiatif mengadakan bengkel penulisan dan penerbitan jurnal bagi membantu semua penulis artikel berkaitan halal yang terlibat dalam penulisan jurnal ini supaya lebih fokus dalam penulisan dan dapat diterbitkan dalam jurnal Middle East Journal & Science Research (MEJSR). Bengkel ini telah diadakan di Nilai Springs Resort & Hotel dan dikendalikan oleh Profesor Dr. Hj. Kamaruzaman Jusoff sebagai fasilitator. Antara peserta yang hadir terdiri daripada Prof. Madya Dr Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, Dr Farah Salwani Muda @ Ismail, Dr Nurdiana Azizan, En Mohd Mahyeddin Mohd Salleh dan Pn Norhayati Rafida Abdul Rahim. Diharapkan dengan bengkel penulisan jurnal ini dapat membantu IHRAM menjadi sebuah pusat penyelidikan halal yang dikenali di peringkat antarabangsa.



Syarahan Food Safety and Halal Food & Regulations in Egypt



NILAI, 30 Ogos 2013 - Institut Penyelidikan & Pengurusan Halal (IHRAM) buat pertama kalinya telah menganjurkan sebuah syarahan yang telah disampaikan oleh Profesor Dr. Mohamed Ahmed Kenawi yang merupakan seorang profesor dari Jabatan Sains Pemakanan dari Universiti Minia, Mesir.

Syarahan ini adalah untuk mendapatkan ilmu dan berkongsi pengalaman dengan beliau, bagi memantapkan pentadbiran dan melancarkan perkembangan IHRAM. Majlis syarahan ini telah diadakan di dewan Kuliah Sederhana 1.2 Fakulti Kepimpinan & Pengurusan (FKP) dan dihadiri oleh pensyarah, kakitangan pentadbiran dan juga pelajar.

Sesi Taklimat Kesedaran ISO 17025

NILAI, 3 Jun 2013 - IHRAM telah mengadakan taklimat berkaitan kesedaran ISO 17025 bagi persediaan awal pihak IHRAM dalam membangunkan dokumen ISO 17025 bagi makmal servis analisis halal. Taklimat ini telah disampaikan oleh Encik Roslan Bin Alias iaitu Ketua Penolong Pengarah Kanan Akreditasi, Jabatan Standard Malaysia, di Bilik Mesyuarat Pusat Tamhidi. Seramai 13 peserta yang terdiri daripada pensyarah, staf pentadbiran dan staf makmal telah terlibat secara langsung dalam taklimat ini. Peserta telah didedahkan berkenaan kepentingan dokumen ISO 17025 yang perlu dibangunkan untuk menyokong perkhidmatan makmal analisis halal.



Bengkel Kumpulan Fokus Mengenai Latihan Pendidikan Kewangan di Tempat Kerja

NILAI – 13 Jun 2013. Selari dengan misi bagi menyediakan kepakaran dalam muamalat dan pengurusan kewangan Islam, Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI) telah menganjurkan satu Bengkel Kumpulan Fokus Mengenai Latihan Pendidikan Kewangan di tempat kerja, bertempat di Nilai Springs Golf Resort, Nilai.

Bengkel satu hari ini diadakan sebagai satu usaha menggalakkan perkongsian ilmu serta membentangkan input atau pengalaman bidang para pengamal kewangan dalam menyediakan pendidikan kewangan di tempat kerja. Turut dibincangkan, analisis keperluan latihan (Training Need Analysis) dari perspektif majikan berdasarkan skop perancangan kewangan peribadi yang berlandaskan Syariah yang merangkumi pelbagai aspek antaranya;

- Pengurusan tunai dan keberhutangan (liquidity and debt management);
- Pengurusan risiko (risk management);
- Pelaburan (investment);
- Pengurusan cukai dan zakat (tax and zakat planning);
- Perancangan persaraan (retirement planning) dan
- Pengurusan harta pusaka (estate management).

Peserta yang terlibat dalam membentangkan kertas kerja ini termasuklah, wakil kerajaan dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Jabatan Insolvency Malaysia (JIM), serta syarikat persendirian dan entiti besar yang menjadi perunding dan penyedia latihan seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC), Hijrah Wealth Management, AFIQ Training & Advisory, Banyan Tree Money Academy, Standard Financial Planner Sdn. Bhd, serta Alfalah Consulting. Penganjuran bengkel ini diharapkan menjadi satu platform kepada pihak yang terlibat agar menjadi peneraju program pendidikan di tempat kerja mereka untuk meningkatkan pengetahuan pekerja berhubung pengurusan kewangan khususnya sektor awam.



Sesi Perkongsian Ilmu Bersama MEPS

NILAI – 21 Jun 2013. Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI) sekali lagi menjadi pilihan industri kewangan bagi mengadakan sesi perkongsian ilmu apabila menerima kunjungan Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd (MEPS) 21 Jun yang lalu.

Jalanan hubungan antara IFWMI dan MEPS ini boleh dikatakan sebagai satu pemangkin dalam mengukuhkan hubungan industri antara IFWMI dengan institusi luar, lebih-lebih lagi dengan reputasi MEPS sebagai penyedia rangkaian perkhidmatan antara bank yang terlibat dalam aktiviti pembangunan serta kewangan domestik, Islamik dan bank-bank antarabangsa .

Dalam pada itu, perkongsian ilmu ini juga antara lain turut membincangkan peranan dan khidmat MEPS, pelaksanaan pematuhan syariah dalam organisasi, juga cabaran dan penyenggaraan bagi pelaksanaannya, di samping membincangkan proses audit syariah dan perkongsian nilai-nilai syariah untuk golongan bukan Islam.



Oleh: Luqman Jasni

Lawatan Muhibbah USIM ke ARI, UiTM Shah Alam

SHAH ALAM, 15 Julai 2013 - Satu lawatan Muhibbah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ke Accounting Research Institute (ARI) Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah dianjurkan oleh pihak pengurusan Pusat Kecemerlangan (CoE) USIM, pada 15 Julai 2013 yang lalu. Lawatan ini diadakan untuk berkongsi pengalaman dan menimba pengetahuan dengan pihak ARI berkaitan pengurusan dan struktur organisasi pusat kecemerlangan. Lawatan ini telah dihadiri oleh Penolong-Penolong Pendaftar dari lima buah Pusat Kecemerlangan USIM iaitu Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM), Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI), Pusat Penyelidikan

Dalam Penyalahgunaan Dadah Asian (ACREDA), dan Institut Sains Islam (ISI).

Lawatan ini telah disambut oleh wakil pengurusan ARI iaitu Prof. Dr. Rashidah Abdul Rahman, Prof. Madya Dr. Zuraidah Mohd Sanusi, Prof. Madya Dr. Jamaliah Said dan Dr. Nawal Kasim. Timbalan Pengarah ARI, Prof. Dr. Rashidah Abdul Rahman, menyampaikan kata aluan dan mengucapkan selamat datangkepadapapellawat. Perjumpaan ini kemudian dipengerusikan oleh Prof. Madya Dr. Zuraidah Mohd Sanusi. Beliau seterusnya menerangkan berkaitan perkembangan ARI semenjak ditubuhkan pada tahun 2006 sehingga sekarang.

Menurut beliau lagi, apa yang perlu diutamakan melalui penyelidikan yang dijalankan adalah peluang

untuk menambah mata dalam penilaian HICoE itu sendiri, iaitu, penerbitan hasil dari penyelidikan, kerjasama dengan universiti negara luar, kerjasama dengan syarikat-syarikat tempatan dan badan kerajaan dan juga MoU yang dijalankan dari penyelidikan.

Lawatan yang singkat ni telah memberikan input yang berguna untuk menjayakan impian USIM, iaitu membawa semua CoE yang ada ke taraf HICoE. Lawatan tersebut telah berakhir pada jam 1.30 petang di samping peserta lawatan telah dibawa melawat ke pejabat-pejabat dan Makmal Poligeraf. Pihak Pusat Kecemerlangan (CoE) USIM mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak UiTM khususnya ARI kerana sudi meluangkan masa untuk berkongsi pengalaman dengan pihak USIM.



SIRI PERTAMA SYARAHAN SAINS ISLAM



NILAI – 18 September 2013. Sebagai sebuah institusi penyelidikan Sains Islam yang menyahut seruan untuk mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli, Institut Sains Islam (ISI) telah menganjurkan Siri Syarahan Sains Islam 2013 yang pertama pada 18 September 2013 di Bilik Mesyuarat Utama Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. Objektif siri syarahan ini diadakan adalah untuk meneroka, membincangkan dan berkongsi isu-isu mengenai Sains Islam bersama warga USIM.


Syarahan tersebut telah disampaikan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Wan Mohd Nor bin Wan Daud; tokoh dalam bidang pendidikan dan pemikiran Islam yang juga Pengarah Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban (CASIS), Universiti Teknologi Malaysia. Syarahan beliau yang bertajuk "Islamization of Contemporary Knowledge and the Role of the University in the Context of De-Westernization and Decolonization" membincangkan aspek sudut pandang (worldview) dan epistemologi ilmu dalam Islam serta peranan universiti Islam pada masa kini. Syarahan ini turut dihadiri oleh Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Asma Ismail, Naib Canselor (USIM) yang juga merangkap felo ISI selain warga akademik USIM.

Institut Sains Islam (ISI) akan menganjurkan siri-siri syarahan yang seterusnya pada 23 Oktober, 20 November dan 18 Disember 2013. Dengan penganjuran siri syarahan ini, Institut Sains Islam berharap agar program ini boleh menjadi satu landasan untuk membincangkan isu-isu Sains Islam dan menjadi asas kepada pengembangan bidang tujahan dan niche universiti ini.

TIPS / PANDUAN



PANDUAN PEMBELIAN BUKU SECARA ONLINE



PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merupakan saluran pembelajaran sepanjang hidup bagi sesorang individu di mana fokus adalah masyarakat dalam lingkungan umur 15 tahun ke atas kecuali pelajar professional. Potensi dan permintaan untuk program PSH disalurkan kepada rakyat jelata adalah jelas bagi tujuan peningkatan pengetahuan dan kemahiran yang boleh menyumbangkan nilai dan pembangunan ekonomi negara. Selaras dengan matlamat itu, USIM menawarkan beberapa program PSH kepada masyarakat setempat seperti berikut:

1. Kursus Sijil Talaqqi Al-Quran Tahap I;
2. Kursus Sijil Talaqqi Al-Quran Tahap II;
3. Kursus Sijil Bahasa Arab Komunikasi Tahap I;
4. Kursus Sijil Bahasa Arab Komunikasi Tahap II; dan
5. Kursus Sijil Bahasa Arab Komunikasi Tahap III.

Kursus-kursus ini terbuka kepada semua golongan yang berminat untuk mempelajari Bahasa Arab dan Talaqqi Al-Quran yang diajar oleh tenaga pengajar USIM. Tenaga-tenaga pengajar USIM mempunyai pengalaman luas serta memperolehi anugerah seperti pemenang anugerah tilawah Al-Quran serta menjadi ikon-ikon di televisyen.

Untuk keterangan lanjut berkaitan dengan program PSH, sila layari www.usim.edu.my.

ANUGERAH / PENCAPAIAN

PENCAPAIAN KAKITANGAN P&I ANUGERAH KECEMERLANGAN DAN INOVASI USIM 2013



**ANUGERAH PENTADBIR CEMERLANG
S235**
Hariza Mohd Yusof
Pegawai Penerbitan Kanan N44



**ANUGERAH STAF CONTOH TAHUNAN
S381**
Mohd Nadzir Abdul Manaf
Penolong Pegawai Penerbitan N27

**TAHNIAH DIUCAPKAN
KEPADA SEMUA PENERIMA
ANUGERAH**

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG & ANUGERAH TERPUJI



S241
Prof Madya
Dr Muhammad Mustaqim Mohd
Zarif
Profesor Madya DS54



S916
Noriza Suteris
Pembantu Tadbir
(Perkeranoan/Operasi) N17



S715
Dr. Ahmad Wifaq Mokhtar
Timbalan Pengarah
Pensyarah Kanan DS51



S1551
Mohd Nazrul Maslam
Pembantu Tadbir
(Perkeranian/Operasi) N17



S1544
Faizudin Ahmad
Penolong Pendaftar N41



S1143
Fawziah Abu Kassim
Pembantu Tadbir
(Perkeranian/Operasi) N17



S1563
Mohd Amirul Mohamad Ghazali
Pereka Grafik B27




S1321
Norrufadhilah Shahari
Pembantu Tadbir
(Perkeranian/Operasi) N17



S759
Hasliza Binti Khalid
Pembantu Tadbir
(Perkeranian/Operasi) N17

BUKU TERBITAN BAHARU




Penulis: Salleha Khalid | Maizatul Azma Masri | Muhammad Shamsir Mohd Aris |
Nik Mohd Nasri Nik Ismail
ISBN: 978-967-440-010-1
Terbitan: 2013
Jum. Halaman: 83 m/s

This book consists of a compilation of past years multiple choice questions for Undergraduate Obstetrics & Gynaecology. Along with the answers given, each question will have a concise illustration and clear explanation for the answer given. With this, it is hoped that this book will further clarify and consolidate student's understanding in Undergraduate Obstetrics & Gynaecology.


Penulis: Zahari Mahad Musa | Jasni Sulong
ISBN: 978-967-440-008-8
Terbitan: 2013
Jum. Halaman: 208 m/s

Sepanjang sejarah awal perundangan Islam, terdapat pelbagai kes faraid yang terkenal dengan nama atau gelaran yang tersendiri. Realitinya, kepelbagaian kes dalam faraid menunjukkan kepentingan pemahaman nas dan masalah situasi semasa dalam proses berijtihad. Hal ini kerana, hampir sebahagian hukum faraid dijelaskan melalui nas primer iaitu al-Quran dan sunnah terutama menerusi ayat-ayat pusaka (ayat al-mawarith).

Buku ini bertujuan mengumpulkan setiap kes faraid khas yang pernah diselesaikan dalam sejarah awal perundangan Islam. Fokus huraian dan penyelesaian setiap kes faraid khas adalah dokumentasi dalam bentuk direktori istilah yang mengikut susunan abjad rumi. Setiap kes-kes faraid khas yang direkodkan akan disertakan dengan penjelasan situasi kes, penyelesaian dan jadualnya. Dengan penulisan ini, diharapkan dapat memudahkan capaian dan pencarian kepada penyelesaian kes-kes faraid khas secara khusus dan memahami ilmu faraid secara amnya.



Penulis: Harison Mohd Sidek
ISBN: 978-967-0393-98-8
Terbitan: 2013
Jum. Halaman: 103 m/s



This book offers some insights into second language instructional ideas, which ideas insofar have yet been implemented in the Malaysian context. Two new instructional methods for second language teaching are introduced in this book as a launching point for their possible implementation in second language classrooms. The first instructional method is Questioning the Author (QTA) text-based discussion method for reading comprehension instruction. The second instructional method is the Presentation - Attention - Co-construction - Extension (PACE) method for the teaching of grammar. The suggested procedure for the implementation of these methods also includes how these methods can be carried out with adaptation in second language classrooms.

Harison Mohd Sidek is a lecturer at the Faculty of Major Language Studies, USIM. She holds a Dip. Ed (TESL), M. Ed. (Reading Education), and a PhD in Foreign Language Education from the University of Pittsburgh.